

Dari Idea ke Kata: Analisis Pengaruh Arahan ChatGPT dalam Proses Penghasilan Naratif

*From Ideas to Words: An Analysis of ChatGPT Prompt Influence
in the Narrative Creation Process*

DANIEL ARIEF HAFIZ SHAMSUL ARIFFIN* & ROSNIDAR AIN

Received: 17-2-2025 / Accepted: 16-6-2025

ABSTRAK

Kajian ini meneliti pengaruh kecerdasan buatan (AI), khususnya penggunaan ChatGPT, dalam proses penulisan kreatif dengan memberikan tumpuan kepada kesan bentuk arahan (prompting) terhadap struktur dan kualiti naratif yang dihasilkan. Arahan merujuk kepada input berstruktur yang menjadi panduan kepada model bahasa untuk menghasilkan penjanaaan teks mengikut keperluan pengarang. Melalui pendekatan eksperimental dan berpandukan teori Naratologi, kajian ini membandingkan dua jenis arahan iaitu arahan umum dan arahan spesifik bagi menilai pengaruh terhadap pembinaan elemen-elemen naratif seperti watak, latar, peristiwa dan sudut pandang. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk arahan menghasilkan naratif yang berkesan mengikut kandungan masing-masing, namun arahan spesifik lebih menyerlah dalam aspek pengolahan emosi, suasana dan konflik. Perkara ini memperlihatkan bahawa kejelasan dan ketelitian arahan memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan struktur dan kualiti naratif yang dihasilkan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa keupayaan pengarang dalam merancang arahan secara strategik dapat memandu model bahasa ini menjana penceritaan yang lebih tersusun dan bermakna. Namun begitu, kajian ini turut menyedari keterbatasan yang sedia ada, seperti skop kajian yang terhad kepada perbandingan antara dua bentuk arahan serta penggunaan satu model bahasa sahaja, iaitu ChatGPT. Justeru itu, penggunaan kecerdasan buatan seperti ChatGPT dalam penulisan kreatif bukanlah sebagai pengganti kreativiti manusia. Sebaliknya, ia bergantung secara signifikan kepada interaksi aktif antara pengarang dan teknologi. Hasil ini juga membuka peluang kepada pembangunan amalan penulisan digital yang lebih berstruktur serta menyumbang kepada peluasan potensi kecerdasan buatan dalam bidang sastera dan penulisan kreatif.

Kata Kunci: Kecerdasan Buatan; ChatGPT; Proses Penulisan Kreatif; Reka Bentuk Arahan; Kreativiti

ABSTRACT

This study explores the influence of artificial intelligence (AI), particularly ChatGPT, in the creative writing process by examining how different types of prompts affect narrative structure and quality. Prompts are structured inputs that guide the language model to generate text based on the writer's intentions. Using an experimental approach grounded by Narratology theory, this study compares general and specific prompts to assess their impact on key narrative elements such as character, setting, event, and point of view. The findings reveal that both prompt types can produce coherent narratives, yet specific prompts offer greater depth in emotional expression, setting detail, and character development. These results suggest that the clarity and precision of prompts play a critical role in shaping the richness of AI-generated stories. More importantly, they highlight the writer's active role in designing prompts that guide the model toward meaningful storytelling outcomes. Rather than replacing human creativity, AI functions as a collaborative tool, its effectiveness closely tied to how well writers communicate their vision. While the study is limited by its focus on only two types of prompts and one language model (ChatGPT), the results point to valuable possibilities for integrating AI into structured digital writing practices and expanding its potential in literary creation.

Keywords: Artificial Intelligence; ChatGPT; Creative Writing Process; Prompting; Creativity

PENGENALAN

Kemajuan pemrosesan bahasa semula jadi (NLP) dalam bidang kecerdasan buatan (AI) telah mencetuskan inovasi baharu dalam pembangunan model bahasa. Model seperti “*Generative AI*” dapat menghasilkan kandungan baharu berdasarkan corak data yang dipelajarinya (Ray, 2023). Teknologi ini mampu menghasilkan teks, audio, dan video dengan menggunakan algoritma rangkaian neural dan teknik pembelajaran mendalam (Goodfellow et al., 2016). Selain itu, “*foundation model*” seperti yang dibincangkan oleh Bommasani et al., (2021) merupakan rangkaian neural dengan bilangan parameter yang lebih besar, yang membolehkan model ini dilatih secara menyeluruh sebelum disesuaikan dengan tugas-tugas tertentu (Riemer & Peter, 2024). Antara model bahasa yang paling dikenali ialah ChatGPT, iaitu model yang dibangunkan oleh syarikat OpenAI dan mampu menjana teks dengan tindak balas yang pantas.

ChatGPT merupakan model bahasa yang direka khusus untuk melaksanakan tugas pemrosesan bahasa semula jadi seperti penjaanaan teks, terjemahan dan pelbagai tugas dalam bentuk perbualan (Brown et al., 2020). Dengan kemajuan versi yang terkini, GPT-4, ChatGPT menjadi lebih mahir dalam memahami konteks dan menghasilkan maklum balas yang lebih jelas serta tersusun merentasi pelbagai topik. Perkara ini menjadikannya model bahasa yang fleksibel dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan dan termasuk juga penulisan kreatif (OpenAI, 2023). Malah, menurut Bubeck et al., (2023) dalam semua tugas ini, prestasi GPT-4 sangat hampir dengan tahap keupayaan manusia dan jauh lebih baik daripada model yang terdahulu seperti GPT-3. Secara tidak langsung, kemajuan teknologi ini bukan sahaja membantu meningkatkan produktiviti, tetapi membuka peluang baru dalam inovasi teknologi dan penerokaan kreativiti dalam pelbagai bidang.

Perkembangan kecerdasan buatan dalam penulisan kreatif telah membawa perubahan besar dalam cara pengarang bekerja dan mencipta karya. Menurut Scsc dan Sahu (2024), teknologi ini bukan sahaja berupaya menghasilkan idea baharu, malah dapat membantu memperbaiki aspek tatabahasa, sintaksis, dan struktur ayat yang menjadi asas penting dalam penulisan kreatif. Di samping itu, kemajuan terkini kecerdasan buatan boleh diterapkan dalam setiap fasa penulisan, bermula dari perkembangan idea, penyusunan draf, penyuntingan dan semakan akhir yang sekali gus meningkatkan produktiviti dan kualiti teknikal dalam penulisan (Vassallo, 2024). Namun begitu, sejauh mana kecerdasan buatan meningkatkan keseluruhan kualiti karya masih menjadi perbahasan. Kreativiti juga dapat dipertingkatkan apabila pengarang bekerjasama dengan kecerdasan buatan dalam memperkaya proses kreatif dan bukan hanya sekadar menjadi penyunting kepada kandungan yang dijana oleh teknologi tersebut (McGuire et al., 2024). Sehubungan itu, pendekatan kerjasama ini membolehkan naratif yang lebih kemas dan tersusun dihasilkan melalui gabungan naluri manusia dan kecekapan mesin.

Antara isu utama dalam penggunaan model bahasa seperti ChatGPT, adalah berkaitan dengan kualiti arahan (*prompt*) yang diberikan. Dalam konteks ini, arahan merujuk kepada input berstruktur yang berfungsi sebagai panduan bagi mempengaruhi maklum balas model bahasa agar selaras dengan keperluan atau objektif yang ditetapkan oleh pengarang. Menurut Oppenlaender et al., (2023), kemahiran dalam memberikan arahan menjadi semakin penting kerana ia membolehkan manusia berinteraksi dengan kecerdasan buatan secara mudah dan berkesan. Kemampuan untuk memberikan arahan yang tepat merupakan kunci kepada keberkesannya dalam menjalankan tugas-tugas kreatif dan teknikal. Namun, arahan yang tidak konsisten seringkali menyebabkan hasil yang dijana oleh model bahasa ini tidak memenuhi kehendak pengarang. Jika arahan yang diberikan terlalu kabur, teks yang dijana akan menjadi tidak terarah

dan tidak mempunyai struktur yang tersusun. Tambahan pula, model bahasa ini sangat bergantung kepada arahan pengguna. Tanpa arahan yang jelas, ia sukar untuk menghasilkan karya yang berkualiti. Kebergantungan ini menimbulkan cabaran besar dalam memastikan naratif yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan dapat mencapai standard yang diinginkan.

Sejajar dengan itu, fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis bagaimana arahan yang diberikan kepada ChatGPT dapat mempengaruhi dan membentuk struktur naratif dengan baik untuk karya sastera. Analisis yang dijalankan dalam kajian ini dapat menyediakan panduan praktikal kepada pengarang dan pihak yang terlibat dalam industri penulisan kreatif. Panduan ini merangkumi strategi dalam memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan, khususnya ChatGPT, secara berkesan dalam penghasilan karya sastera yang berkualiti. Kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang potensi dan limitasi kecerdasan buatan dalam membantu ketika proses penulisan kreatif serta dapat menjadi panduan dalam mengoptimumkan penggunaan ChatGPT dalam seni naratif.

KAJIAN LEPAS

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan cadangan Vasn Heerden dan Bas (2021) yang menegaskan kepentingan integrasi antara bidang pembelajaran mesin dan kajian sastera sebagai langkah strategik untuk meningkatkan mutu penulisan yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan. Mereka mencadangkan agar pakar sastera perlu dilibatkan dalam fasa penilaian dan pembentukan kriteria kualiti teks, di samping menyumbang kepada pembangunan model bahasa melalui penerapan teori sastera dalam reka bentuk algoritma. Sebagai contoh, Soeffner (2023) menegaskan, perbezaan antara kecerdasan manusia dan mesin, terutamanya dari segi kesedaran dan pemahaman makna, namun secara spesifik ia tidak mengaitkan perspektif ini dengan teori sastera. Sementara itu, Kidd dan Birhane (2023) membincangkan isu bias dan kesilapan yang sering dijana oleh model generatif ini yang memperlihatkan cabaran dalam memastikan ketepatan dan keaslian maklumat. Selain itu, Suraya et al., (2024) turut mengemukakan kebimbangan berkenaan isu integriti dalam penggunaan kecerdasan buatan dalam konteks penulisan akademik. Meskipun teknologi ini menawarkan pelbagai manfaat, potensi penyalahgunaannya dalam bidang tersebut masih merupakan suatu kerisauan yang perlu diambil perhatian. Walaupun kesemua pandangan ini memberikan isu terhadap kelemahan model bahasa, masih tiada kajian yang secara jelas menggabungkan teori sastera dengan algoritma kecerdasan buatan untuk menangani masalah dalam penulisan yang dijana. Oleh itu, terdapat jurang dalam penyelidikan mengenai bagaimana teori sastera boleh digunakan secara efektif untuk meningkatkan kualiti teks yang dihasilkan oleh model bahasa kecerdasan buatan.

Meskipun isu tentang mutu karya sastera telah lama menjadi perbincangan, kemunculan model bahasa berasaskan kecerdasan buatan membawa cabaran baharu terhadap pemahaman dan penilaian nilai estetika. Kajian oleh Porter dan Machery (2024) menunjukkan bahawa pembaca bukan pakar sering gagal membezakan antara puisi yang ditulis oleh manusia dan yang dijana oleh model bahasa. Lebih menarik, puisi yang dijana oleh model bahasa ini sering dinilai lebih tinggi dari segi kejelasan dan kesan emosi. Dalam konteks penulisan esei, Herbold et al. (2023) mendapati bahawa esei yang dijana oleh ChatGPT-4 memperoleh skor lebih tinggi berbanding esei pelajar dari aspek struktur dan penguasaan bahasa. Oleh itu, walaupun model bahasa berupaya menjana teks yang kelihatan lancar dan tersusun, penilaian terhadap mutu karya tidak seharusnya terhenti pada aspek teknikal semata-mata. Penelitian kritis yang menggabungkan teori sastera

menjadi penting bagi menilai bagaimana kedalaman makna, gaya penulisan, nilai budaya dan estetik disampaikan dalam teks yang dijana oleh model bahasa.

Terdapat pelbagai kaedah telah dikenal pasti untuk mencipta arahan yang berkesan dalam penggunaan model bahasa. Antaranya seperti Korzynski et al., (2023) memperkenalkan konsep AI PROMPT, yang menekankan teknik seperti kejelasan, kekhususan dan kebolehsuaian dalam reka bentuk arahan. Walaupun konsep ini menyediakan panduan praktikal dalam memaksimumkan prestasi model bahasa merentas pelbagai domain termasuk penulisan, ia masih tidak merangkumi penggunaan khusus dalam konteks sastera. Chen et al., (2023) melihat teknik lanjutan seperti “*chain-of-thought*” dan “*tree-of-thoughts*” digunakan bertujuan meningkatkan hubungan logik dalam teks yang dijana oleh teknologi ini. Selain itu, White et al., (2023) menyediakan katalog arahan yang boleh digunakan semula untuk membantu pengarang menyesuaikan arahan agar teks yang dijana memenuhi objektif atau gaya yang dikehendaki. Namun, masih terdapat jurang antara teknik ini bagi memenuhi tuntutan sastera yang lebih mendalam terutamanya dari segi impak emosi dan gaya puitis. Artikel oleh Ye et al., (2023) pula memperkenalkan konsep “*meta-prompting*”, di mana model bahasa membantu memperbaiki arahan untuk mencapai matlamat yang lebih kompleks. Walaupun strategi ini membantu memperbaiki kualiti teks, namun, kajian yang meneliti bagaimana teknik ini boleh disesuaikan dengan keperluan sastera khusus kesusasteraan Melayu, masih belum dikembangkan sepenuhnya.

Penelitian terhadap potensi kecerdasan buatan dalam menyokong proses kreatif semakin mendapat perhatian termasuk juga dalam genre sastera Melayu. Daniel A. H. dan Rosnidar Ain (2023) mendapati bahawa teknologi ini berpotensi membantu dalam penghasilan puisi Melayu, terutamanya dalam menjana idea dan menghasilkan gaya yang tidak bersifat konvensional. Walaupun kajian tersebut hanya tertumpu kepada puisi, ia menunjukkan bahawa model bahasa ini boleh menjadi alat sokongan yang berguna dalam bidang sastera. Perkara ini turut memberi laluan kepada penyelidikan semasa mengenai peranan arahan dalam konteks pembinaan naratif dengan fokus kepada aspek seperti watak, plot, latar dan sudut pandang.

Secara keseluruhan, kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan kecerdasan buatan dalam bidang sastera mula mendapat perhatian, namun integrasi teori sastera secara khusus dalam pembangunan model bahasa masih belum diterokai sepenuhnya. Selain itu, pelbagai strategi penggunaan arahan telah dikenal pasti, namun masih terdapat jurang dalam pemahaman mengenai bagaimana teknik ini boleh disesuaikan untuk memenuhi keperluan naratif yang lebih berkesan. Kajian ini juga berpotensi untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti kesesuaian penggunaan arahan dalam pembinaan naratif kreatif, khususnya dalam konteks sastera Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian eksperimental dan dijalankan dengan memahami pengaruh arahan yang diberikan kepada ChatGPT dalam proses penghasilan karya kreatif berbentuk naratif. Kajian ini melibatkan reka bentuk dua jenis arahan, iaitu arahan umum dan arahan spesifik, yang dirangka berdasarkan elemen-elemen asas naratif seperti watak, latar, peristiwa (urutan plot) dan sudut pandang. Seterusnya, teori Naratologi oleh Mieke Bal (2017) digunakan sebagai kerangka analisis untuk menilai hasil naratif yang dijana dan disunting, khususnya dari aspek struktur dan fungsi setiap elemen dalam naratif tersebut.

Arahan umum merujuk kepada input asas atau panduan yang bersifat luas dan longgar serta memberikan ChatGPT kebebasan untuk menghasilkan naratif tanpa perincian yang mendalam terhadap elemen seperti watak, peristiwa atau latar. Sebaliknya, arahan spesifik memberikan panduan yang lebih terperinci dan perhatian pada elemen naratif yang penting seperti deskripsi watak, latar masa dan lokasi, atau konflik dengan lebih jelas.

Seterusnya dalam proses pelaksanaan, setiap arahan ini akan diberikan kepada ChatGPT untuk menjana teks naratif. Teks naratif yang dihasilkan oleh ChatGPT ini kemudian akan dikumpulkan untuk langkah seterusnya iaitu penyuntingan. Langkah penyuntingan dilakukan untuk memastikan kualiti dan kesesuaian dengan tema serta arahan yang diberikan. Penyuntingan ini penting untuk memastikan teks yang dihasilkan memenuhi kriteria kualiti. Kriteria ini merangkumi perkara seperti ketepatan pengaplikasian elemen naratif, keselarasan struktur, kejelasan emosi dan konflik, serta penggunaan gaya bahasa yang tekal dengan nada dan tema keseluruhan teks. Sementara itu, teks yang tidak disunting akan dipaparkan dalam tulisan serong (*italic*) bagi membezakan antara teks asal yang dijana oleh ChatGPT dan teks yang telah disunting.

Dalam fasa analisis, pendekatan analisis naratif digunakan bagi menilai teks yang telah disunting. Analisis ini memfokuskan pada setiap elemen penting dalam struktur naratif. Perbandingan dilakukan antara hasil arahan umum dan spesifik untuk mengenal pasti bentuk arahan yang lebih berkesan dalam menyampaikan elemen naratif secara keseluruhan.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, kaedah triangulasi data digunakan melalui tiga pendekatan. Pendekatan pertama, pengujian awal terhadap arahan dilaksanakan bagi menilai tahap kejelasan dan kesesuaian sebelum digunakan dalam penjanaan naratif. Kedua, analisis naratif dijalankan dengan berpandukan teori Naratologi untuk menilai struktur dan fungsi elemen-elemen naratif yang terdapat dalam teks yang dihasilkan. Akhir sekali, semakan terhadap hasil penjanaan dilakukan oleh penyelia kajian yang turut bertindak sebagai pengarang bersama dalam artikel ini, bagi menilai kesesuaian hasil penjanaan dan penyuntingan teks dengan objektif kajian serta keselarasan dengan kerangka teori yang digunakan.

KERANGKA TEORI NARATOLOGI OLEH MIEKE BAL

Teori Naratologi yang digunakan sebagai kerangka analisis dalam kajian ini merujuk kepada pendekatan sistematik yang dikemukakan oleh Mieke Bal (2017) dalam memahami struktur dan makna teks naratif. Menurut Bal, naratologi ialah kajian tentang bagaimana naratif disusun, difahami dan disampaikan melalui struktur dalaman teks. Beliau membahagikan struktur naratif kepada tiga lapisan utama, iaitu fabula, aspek cerita dan teks. Fabula merujuk kepada peristiwa dan pelakon (watak) yang disusun dalam urutan logik. Aspek cerita pula merujuk kepada cara fabula disusun secara khusus dengan penekanan kepada elemen seperti watak, ruang, masa, dan sudut pandang, manakala teks ialah bentuk akhir penyampaian naratif melalui bahasa, gaya dan teknik penulisan.

Bal juga menegaskan bahawa naratif bukan sekadar struktur teknikal, tetapi juga suatu bentuk ekspresi budaya yang kompleks. Naratif mencerminkan dan membentuk makna sesebuah karya melalui gabungan elemen kognitif dan estetik. Gabungan ini menjadikannya medium yang membawa kesan kepada sosial dan emosi. Oleh itu, naratologi bukan sahaja menjadi alat analisis terhadap struktur cerita, malah berfungsi sebagai pendekatan kritis terhadap bagaimana makna dibentuk dan disampaikan.

Berdasarkan konteks kajian ini, teori naratologi diaplikasikan untuk menganalisis hasil penjaanaan ChatGPT berdasarkan struktur elemen naratif seperti watak, latar, peristiwa, dan sudut pandang. Fokus diberikan kepada bagaimana arahan yang berbeza (umum dan spesifik) mempengaruhi elemen naratif, serta sejauh mana struktur yang dihasilkan memenuhi prinsip naratif yang dihuraikan dalam kerangka teori ini.

ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

PENGARUH ARAHAN DALAM ELEMEN WATAK

Watak menurut Mieke Bal (2017) adalah entiti antropomorfik dalam naratif yang diberikan ciri-ciri khusus dan diterangkan oleh pengarang atau pencerita. Dalam konteks naratologi, entiti antropomorfik merujuk kepada pelaku (*actor*) dalam fabula yang memperoleh sifat manusiawi apabila dimasukkan ke dalam struktur cerita. Menurut Bal, pembentukan watak yang berkesan bergantung kepada beberapa ciri utama seperti pengulangan sifat, penyampaian maklumat secara eksplisit (melalui kenyataan langsung) dan implisit (melalui tindakan), hubungan antara watak, serta perubahan emosi dan psikologi watak sepanjang cerita. Watak dalam naratif bukan sekadar individu dalam cerita, sebaliknya berfungsi sebagai menjadi alat untuk meneroka pelbagai idea dan tema. Watak juga boleh digambarkan secara ringkas atau mendalam bergantung kepada tujuan cerita, sama ada untuk menyerlahkan sesuatu mesej, tema atau isu yang ingin disampaikan oleh pengarang. Hal ini bertepatan dengan konsep “kerataan” dan “kebulatan” watak (*flat vs. round characters*) yang dipopularkan oleh E.M. Forster dan digunakan semula oleh Mieke Bal dalam menganalisis naratif.

JADUAL 1. Arahan umum dan spesifik yang diberikan kepada ChatGPT bagi elemen watak

Jenis Arahan	Elemen Watak
Arahan Umum	Tuliskan tentang watak utama, Zara, yang menjalani kehidupan bersama ayahnya, Encik Razak. Gambarkan interaksi harian mereka, termasuk cabaran emosi dan fizikal yang dihadapi oleh mereka berdua.
Arahan Spesifik	Tuliskan tentang Zara, seorang gadis muda yang baru pulang ke rumah selepas seharian bekerja sambil. Gambarkan interaksi Zara dengan ayahnya, Encik Razak. Zara yang mempunyai rambut panjang yang lurus dan lesunya kelihatan jelas kerana kulitnya yang putih cerah. Walaupun dia menyayangi ayahnya, dia sering merasa terbeban dengan kesukaran hidup mereka. Rumah mereka yang panas dan sempit mencerminkan tekanan hidup mereka. Fokuskan juga kepada deskripsi fizikal dan emosi kedua-dua watak.

Berdasarkan JADUAL 1, arahan umum memberikan gambaran umum tentang kehidupan Zara dan Encik Razak, tanpa menekankan sebarang butiran khusus. Fokus arahan ini lebih kepada cabaran emosi dan fizikal secara keseluruhan membayangkan bebanan tanggungjawab yang Zara pikul. Sebaliknya, arahan spesifik memberikan perincian deskripsi fizikal Zara dan menggambarkan emosi serta situasi kehidupan mereka secara lebih jelas. Arahan ini menyatakan cabaran Zara sebagai anak yang tertekan dengan keadaan kehidupan mereka namun tetap menyayangi ayahnya.

JADUAL 2. Hasil penjanaan berdasarkan arahan umum

Hasil Penjanaan dan Penyuntingan Arahan Umum
<p><i>Zara, seorang gadis berusia 24 tahun, tinggal bersama ayahnya, Encik Razak, di sebuah rumah yang sederhana di pinggir bandar. Sejak ibunya meninggal dunia lima tahun lalu, Zara mengambil alih tanggungjawab menguruskan rumah mereka. Encik Razak, yang semakin tua dan mempunyai masalah kesihatan, sering kali memerlukan bantuan fizikal, terutamanya untuk bergerak dan melakukan aktiviti harian.</i></p> <p><i>Setiap pagi, Zara akan menyediakan sarapan dan memastikan ayahnya mengambil ubat-ubatan tepat pada masanya. Setiap hari juga, mereka akan berbual tentang hal-hal kecil seperti cuaca atau apa sahaja berita dan cerita di televisyen. Namun di sebalik perbualan ringan itu, ada beban emosi yang tidak terluah. Zara inginkan kehidupan bebas seperti rakan-rakannya, tetapi pada masa yang sama tidak sanggup meninggalkan ayahnya yang semakin tua dan uzur.</i></p> <p><i>Walaupun Encik Razak menyayangi Zara, dia sering merasa bersalah kerana menjadi beban. Ada kalanya, dia tersentak dengan rasa marah terhadap dirinya sendiri, tapi mencuba menyembunyikan perasaan itu demi menjaga hati Zara. Hubungan mereka ini penuh dengan kasih sayang, tetapi juga dipenuhi dengan keletihan fizikal dan emosi yang perlahan-lahan menghakis ketenangan mereka.</i></p>

Berdasarkan hasil penjanaan arahan umum pada JADUAL 2, watak Zara dan Encik Razak digambarkan dengan pengulangan ciri yang menekankan beban tanggungjawab, keperluan harian, dan kesihatan Encik Razak yang semakin merosot. Teks ini memaparkan banyak maklumat secara eksplisit seperti usia Zara (24 tahun) dan keadaan Encik Razak yang memerlukan bantuan harian. Maklumat implisit pula diperlihatkan melalui emosi dalaman, seperti rasa tertekan Zara yang ingin bebas namun terpaksa menggalas tanggungjawab menjaga ayahnya. Hubungan mereka dibina berasaskan rutin harian seperti menyediakan sarapan dan berbual tentang perkara kecil, di samping rasa bersalah yang dirasai Encik Razak kerana bergantung sepenuhnya kepada Zara. Mengikut kerangka Mieke Bal, kedua-dua watak ini mempunyai potensi untuk dikembangkan. Namun begitu, tiada perubahan ketara dapat dilihat kerana naratif ini masih berada pada tahap pengenalan. Ketekalan sikap dan emosi memperlihatkan ciri 'kebulatan' pada watak Zara bukan sekadar anak yang patuh, tetapi turut berdepan konflik dalaman untuk melepaskan diri daripada bebanan yang dipikul, manakala Encik Razak pula menunjukkan kasih sayang dalam diam di sebalik rasa bersalahnya.

JADUAL 3. Hasil penjanaan berdasarkan arahan spesifik

Hasil Penjanaan dan Penyuntingan Arahan Spesifik
<p><i>Zara melangkah lesu ke dalam rumah sempit mereka, tubuhnya terasa berat selepas seharian bekerja sambilan. Rambutnya yang panjang dan lurus melekat pada wajahnya yang putih cerah, menonjolkan kelesuan yang dia rasakan. Mata kelabu Encik Razak memerhatikannya dari sudut dapur kecil. Lelaki itu duduk di atas kerusi rehat dengan bahu yang mulai bongkok, menandakan usia dan keletihan yang semakin memakan tubuhnya.</i></p> <p><i>"Balik dah, Zara?" suaranya serak, namun lembut, penuh kasih sayang yang tak pernah dia lafazkan dengan jelas. Zara mengangguk perlahan, meletakkan beg di atas meja yang sempit, sambil menahan keluhan yang bergema di dadanya. Walaupun dia menyayangi ayahnya, beban hidup mereka yang berat sering membuatkan hatinya menjadi resah. Panas rumah yang pengap seolah-olah menekannya lagi, mengingatkannya bahawa mereka terperangkap dalam kesukaran hidup selamanya.</i></p> <p><i>Encik Razak tersenyum kecil, cuba menyembunyikan kerisauan di sebalik wajah letihnya. "Ayah ada buat nasi goreng tadi, tapi dah sejuk sikit. Makanlah."</i></p> <p><i>"Baik ayah, Zara makan kejap lagi." Jawabnya ringkas, namun nada suaranya penuh keletihan, mengharapkan ada jalan keluar dari segala tekanan ini.</i></p>

Menerusi hasil penjanaan arahan spesifik pada JADUAL 3, naratif memberi tumpuan yang lebih terperinci terhadap aspek fizikal, suasana dan emosi watak. Contohnya, rumah sempit yang panas, Zara yang berambut panjang dan lurus dengan wajah yang letih, serta Encik Razak yang bongkok dan uzur. Deskripsi ini menekankan pengulangan ciri yang sama, iaitu kesukaran hidup dan bebanan emosi watak. Unsur ini diperjelaskan melalui gambaran yang lebih konkrit. Sebagai contoh, Zara digambarkan pulang dari kerja sambilan, menunjukkan perlunya pendapatan

tambahan untuk menyara kehidupan mereka. Encik Razak pula, walaupun uzur, tetap berusaha menyediakan makanan untuk anaknya. Hubungan mereka turut dipaparkan dengan lebih intim, seperti dalam adegan Encik Razak yang memerhatikan Zara dari sudut dapur dan cuba menenangkan anaknya melalui masakannya. Elemen ini mengukuhkan lagi konflik dalaman kedua-dua watak yang saling bergantung antara kasih sayang dan tekanan hidup. Seperti naratif daripada arahan umum, watak-watak ini masih belum mengalami perubahan besar. Namun, dimensi psikologi mereka lebih terserlah dalam naratif spesifik selari dengan ciri ‘kebulatan’ yang digariskan oleh Mieke Bal.

Ciri-ciri yang dipaparkan dalam hasil arahan spesifik seperti tekanan emosi, tindakan kecil yang sarat dengan makna, serta hubungan yang tidak dilafazkan secara langsung, menunjukkan bahawa watak yang dijana mempunyai kedalaman psikologi yang luas. Keadaan ini selari dengan perbincangan Frazer et al., (2025) yang menegaskan bahawa watak “bulat” dalam naratif lazimnya bersifat tidak dijangka dan memiliki pelbagai dimensi emosi serta moral. Perkara ini sekali gus memperkukuh dapatan bahawa arahan spesifik lebih berpotensi membentuk naratif yang berkualiti dari segi keterlibatan emosi dan pembangunan watak.

Walaupun arahan spesifik menghasilkan naratif yang tersusun dan kaya dengan perincian, hasil awal yang dijana turut menunjukkan kecenderungan kepada struktur naratif yang dapat dijangka. Unsur seperti gambaran rumah sempit, tekanan hidup, dan kasih sayang antara anak dan ayah digambarkan dalam pola naratif yang konvensional. Meskipun proses penyuntingan membolehkan struktur naratif diperhalusi atau diolah semula, namun ia menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kawalan yang terlalu ketat melalui arahan boleh mengehadkan kreativiti dan keaslian penulisan. Dalam konteks ini, keseimbangan antara arahan yang terarah dan ruang eksplorasi naratif perlu diberi perhatian.

Secara ringkas, arahan umum cenderung menghasilkan watak yang terbuka dan fleksibel, manakala arahan spesifik membentuk watak yang kompleks. Malah kedua-dua bentuk arahan ini, memberikan kesan yang berbeza terhadap struktur dan kreativiti naratif. Kesan ini juga dipengaruhi oleh tujuan penceritaan serta sejauh mana proses penyuntingan membentuk keseluruhan naratif.

PENGARUH ARAHAN DALAM ELEMEN LATAR

Berdasarkan teori naratif oleh Mieke Bal, latar merangkumi dua elemen utama iaitu masa dan lokasi yang berfungsi sebagai konteks di mana peristiwa dalam naratif berlaku. Menurut Bal (2017), masa merujuk kepada tempoh dan urutan peristiwa yang merangkumi kronologi cerita serta bagaimana tempoh ini disampaikan kepada pembaca. Walaupun masa bergerak secara linear, ia boleh dimanipulasikan melalui teknik seperti imbas kembali, imbas ke hadapan, dan pengulangan masa untuk menambah kesan dramatik atau mencipta ketegangan. Elemen masa juga menentukan tempo cerita sama ada sesebuah peristiwa itu berlaku dalam tempoh singkat atau berpanjangan. Oleh itu, manipulasi masa membantu mengarahkan perhatian pembaca kepada aspek yang penting dan membentuk struktur cerita yang lebih berkesan.

Selanjutnya, Bal (2017) merujuk lokasi sebagai tempat spesifik atau geografi di mana peristiwa dalam naratif berlaku. Ia membawa elemen kontekstual yang mencerminkan latar sosial, budaya dan politik setiap watak. Lokasi juga berfungsi sebagai peranti struktur untuk menghasilkan kontras berpasangan, iaitu dua keadaan atau lokasi yang sengaja ditampilkan secara bertentangan seperti dalam dan luar, atau bandar dan desa. Perkara ini membantu membentuk naratif dan menandakan peralihan dalam cerita. Elemen ini turut berperanan sebagai faktor pengalaman yang mempengaruhi emosi dan psikologi watak, di mana lokasi tertentu boleh

menimbulkan perasaan selamat, bahaya, atau bebas. Setiap aspek ini menjadikan elemen lokasi dalam naratif lebih daripada sekadar latar, tetapi elemen penting yang membentuk makna dan perkembangan cerita.

JADUAL 4. Arahan umum dan spesifik bagi pembinaan latar masa dan lokasi

Jenis Arahan	Elemen Latar Masa dan Lokasi
Arahan Umum	Gambarkan kehidupan Zara dan ayahnya yang tinggal di kawasan bandar kecil yang semakin pesat membangun. Dengan latar masa moden tetapi mencabar di mana teknologi dan pembangunan mula menjadi sebahagian gaya kehidupan. Fokuskan bagaimana perubahan ini mempengaruhi hubungan mereka dan cabaran hidup seharian yang mereka hadapi.
Arahan Spesifik	Gambarkan kehidupan Zara dan Encik Razak di sebuah bandar kecil yang dahulunya tenang, tetapi kini pesat membangun. Gunakan teknik imbas kembali untuk memperlihatkan kenangan Zara tentang bandar lama yang penuh kedai-kedai kecil dan taman hijau. Kini, suasana ditukar dengan bangunan pencakar langit, bunyi bising pembinaan, dan jalan raya yang sesak. Berikan perincian tentang perubahan ini secara visual, termasuk seni bina moden, hiruk-pikuk teknologi, serta bagaimana kemodenan ini mempengaruhi emosi watak, terutama Encik Razak yang terasing. Fokuskan pada bagaimana peralihan masa dan lokasi mencerminkan perubahan sosial dan psikologi mereka.

Merujuk kepada JADUAL 4, kedua-dua arahan menggambarkan latar masa moden, di mana teknologi dan pembangunan pesat menjadi sebahagian daripada kehidupan Zara dan Encik Razak. Melalui arahan umum, tumpuan diberikan kepada perubahan teknologi dan pembangunan yang mengubah gaya hidup harian mereka di bandar kecil dan bagaimana perubahan ini mencipta cabaran dalam hubungan mereka. Arahan spesifik pula lebih terperinci dengan menggunakan teknik imbas kembali bagi membezakan bandar lama dengan pembangunan moden. Arahan ini turut memfokuskan kepada kesan pembangunan fizikal dan teknologi terhadap emosi watak, terutamanya perasaan keterasingan Encik Razak di tengah-tengah waktu perubahan.

JADUAL 5. Hasil penjanaan berdasarkan arahan umum

Hasil Penjanaan dan Penyuntingan Arahan Umum
<p>Zara dan Encik Razak menetap di sebuah bandar kecil yang semakin pesat membangun. <i>Di sekeliling mereka, bangunan pencakar langit mulai muncul, menggantikan kedai-kedai lama yang pernah menjadi nadi kehidupan penduduk tempatan. Bunyi mesin pembinaan dan lalu lintas yang sesak menggantikan suasana tenang yang pernah mereka kenali.</i></p> <p>Zara, yang bekerja dari rumah sebagai pereka grafik, sering berasa terasing dan sesak di tengah-tengah kemajuan ini. <i>Kehidupan semakin pantas, dan jiran-jiran lama mereka mula berpindah keluar, digantikan oleh penduduk baru yang lebih sibuk dengan teknologi dan urusan harian.</i> Encik Razak, yang semakin berusia, sukar menyesuaikan diri dengan perubahan ini. <i>Dulu, dia sering keluar untuk berborak dengan rakan-rakannya di warung kopi, tetapi kini warung itu sudah digantikan dengan kafe moden yang penuh dengan pelanggan muda yang sibuk dengan telefon mereka.</i></p> <p>"Zara, kenapa semua berubah cepat sangat?" tanya ayahnya suatu petang ketika mereka sedang berjalan di taman. "Dulu ayah kenal semua orang dekat sini."</p> <p>Zara tersenyum tawar. <i>"Macam inilah dunia sekarang, ayah."</i></p> <p>Namun, di sebalik pembangunan dan teknologi yang semakin maju, hubungan mereka teruji. <i>Zara terpaksa berjuang menyeimbangkan tuntutan moden dengan tanggungjawab menjaga ayahnya, di tengah-tengah bandar yang semakin tidak mengenali mereka lagi.</i></p>

JADUAL 6. Hasil penjanaan berdasarkan arahan spesifik

Hasil Penjanaan dan Penyuntingan Arahan Spesifik
<p>Zara duduk di tepi tingkap rumah kecil mereka, merenung keluar ke arah jalan raya yang kini sibuk. <i>Dulu, lorong ini sunyi. Dia teringat zaman kanak-kanaknya, ketika bandar kecil ini tenang, dengan deretan kedai runcit, kedai kopi, dan taman hijau yang menjadi tempat penduduk bersantai.</i> Setiap hujung minggu, Zara dan ayahnya sering pergi ke kedai Pak Jamal memesan air batu campur di hujung jalan, di mana mereka duduk di bangku taman sambil menikmati angin petang.</p> <p>Kini, segala-galanya berubah. <i>Taman hijau itu digantikan dengan bangunan pencakar langit yang menjulang tinggi. Bunyi bising tapak pembinaan, hon kereta, dan deru kenderaan melintasi jalan yang kini sesak dengan manusia dan teknologi.</i> Kedai-kedai kecil kini hilang, berganti dengan kafe moden yang berkilat dan tidak berjiwa.</p>

Encik Razak yang semakin tua, termenung di sudut ruang tamu. *Wajahnya yang penuh kerutan memancarkan kesepian dan rasa terasing. "Dulu ayah kenal semua orang di sini, Zara. Sekarang... semuanya tak kenal, macam orang asing,"* katanya dengan perlahan.

Zara mengganggu perlahan. *Kemodenan ini bukan sahaja merampas tempat tinggal mereka, tetapi juga mencuri ketenangan yang mereka pernah ada.* Perubahan yang melingkari hidup mereka semakin hari, semakin menghimpit, menambah bebanan jiwa. Dalam diam, mereka berdua berusaha mencari makna dan arah dalam dunia yang kian sukar untuk mereka kenali.

Seperti yang ditunjukkan dalam JADUAL 5, hasil penjanaan arahan umum memperlihatkan latar masa bergerak secara linear tanpa sebarang pengolahan masa. Perubahan tempo cerita diperjelaskan melalui gambaran suasana moden yang mencabar, dengan penekanan terhadap pembangunan pesat bandar kecil yang semakin dipenuhi oleh bangunan tinggi serta warung-warung yang kini digantikan dengan kafe moden. Perkembangan ini mempengaruhi kehidupan Zara dan Encik Razak yang terpaksa menyesuaikan diri dengan perubahan sosio-budaya, walaupun konflik emosi mereka dinyatakan secara ringkas. Sementara itu, penonjolan elemen lokasi juga tidak begitu terperinci, dengan hanya menampilkan gambaran kejiranan lama yang beransur hilang ditelan arus kemodenan. Walau bagaimanapun, elemen latar ini tetap berperanan menyerlahkan cabaran kedua-dua watak dalam menyesuaikan diri, khususnya Encik Razak yang berasa kurang selesa dengan kepesatan teknologi, sementara Zara pula menggalas tanggungjawab menjaga ayahnya di samping bekerja dari rumah.

Hasil penjanaan arahan spesifik pada JADUAL 6, manipulasi masa dijelmakan menerusi teknik imbas kembali yang menyoroti suasana bandar kecil pada masa lalu. Perincian seperti deretan kedai-kedai runcit, taman hijau dan suasana tenang diceritakan sebelum naratif ditarik ke masa kini yang sibuk dan dihimpit pembangunan. Pada masa yang sama, perbandingan langsung antara elemen masa "dulu" dan "sekarang" menambah kedalaman emosi watak, khususnya perasaan Zara dan Encik Razak yang kehilangan kedamaian lampau. Selain itu, pengolahan lokasi juga lebih terperinci dengan penonjolan bunyi bising daripada mesin pembinaan dan pancaran cahaya kafe yang "berkilat", sekali gus memberikan kesan visual dan psikologi yang lebih jelas. Perbezaan antara dua zaman ini menyerlahkan bagaimana latar masa dan lokasi berfungsi sebagai simbol peralihan nilai budaya yang mencerminkan kemunculan dunia baharu bagi generasi kini tetapi terasa "asing" bagi generasi lama. Di samping itu, gabungan peralihan masa dan lokasi ini juga menambahkan lapisan dramatik serta emosi dalam penceritaan.

Peranan latar masa dan lokasi bukan hanya sekadar bersifat deskriptif, tetapi membentuk struktur dan makna dalam penceritaan. Seperti yang dipetik oleh Beaton (2010), Bakhtin menegaskan bahawa dalam konsep "*chronotope*", masa dan ruang bergabung sebagai satu kesatuan konkrit yang mencerminkan pergerakan plot dan sejarah. Dalam konteks kajian ini, arahan spesifik yang memanfaatkan imbas kembali dan perincian lokasi berjaya menampilkan kontras masa serta kesan emosi watak secara lebih berkesan berbanding arahan umum yang lebih linear dan ringkas.

Walaupun bagaimanapun, perlu diakui bahawa perincian elemen latar yang dilihat lebih berkesan dalam hasil arahan spesifik juga tidak lepas daripada campur tangan penyuntingan manusia. Perkara ini menimbulkan persoalan sejauh mana kualiti naratif tersebut datang daripada keupayaan model bahasa atau sebenarnya dibentuk melalui proses penyuntingan. Justeru itu, perbandingan antara kedua-dua bentuk arahan ini bukan hanya mencerminkan keberkesanan maklumat yang diberi, tetapi turut memperlihatkan keterbatasan model dalam membina latar yang berlapis tanpa sokongan manusia.

Secara keseluruhannya, arahan spesifik lebih menepati teori Naratologi dengan memanfaatkan teknik imbas kembali dan perincian lokasi bagi memaparkan perbezaan antara masa lalu dan masa kini serta menyerlahkan kesan emosi yang dialami oleh watak dengan lebih

berkesan. Sebaliknya, arahan umum lebih linear dan ringkas, kurang memberi tumpuan pada unsur dramatik dan perincian psikologi watak.

PENGARUH ARAHAN DALAM ELEMEN PERISTIWA (URUTAN PLOT)

Peristiwa, menurut Mieke Bal (2017) merujuk kepada satu proses atau peralihan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain yang disebabkan atau dialami oleh pelaku. Dalam teori naratologi, peristiwa adalah komponen penting dalam membentuk fabula, iaitu urutan peristiwa yang logik dan kronologi. Terdapat beberapa komponen utama dalam elemen ini antaranya seperti perubahan yang bermakna, di mana setiap peristiwa mesti melibatkan peralihan keadaan watak atau plot. Selain itu, peristiwa perlu mempunyai hubungan sebab dan akibat yang logik serta memberikan impak kepada watak melalui pilihan dan akibat dari pilihan tersebut. Aspek penambahbaikan atau kemerosotan keadaan juga menjadi perkara penting bagi mencipta perkembangan dan ketegangan cerita. Setiap peristiwa ini boleh dilabelkan secara semantik untuk memperjelas maknanya, sambil menyokong tema dan perkembangan watak dalam naratif.

JADUAL 7. Arahan umum dan spesifik bagi pembinaan elemen peristiwa (Urutan Plot)

Jenis Arahan	Elemen Peristiwa
Arahan Umum	Gambarkan satu peristiwa penting antara Zara dan ayahnya, Encik Razak yang sedang bergelut dengan sebuah konflik. Fokuskan kepada interaksi emosi mereka dalam menghadapi peristiwa tersebut dan bagaimana peristiwa itu membawa perubahan dalam hubungan dan kehidupan mereka.
Arahan Spesifik	Zara dan ayahnya, Encik Razak menghadapi tekanan apabila pembangunan semakin rancak di kawasan mereka. Encik Razak yang mempunyai sebuah kedai kecil di kawasan tersebut telah menerima notis bahawa kawasan kedai mereka akan diambil alih untuk projek pembangunan. Zara yang ingin membantu berusaha memujuk ayahnya supaya menjual kedai mereka dan menerima pampasan. Namun, Encik Razak yang kuat berpegang dengan nilai tradisi dan warisan keluarga enggan menyerahkan kedainya. Konflik emosi berlaku antara Zara yang melihat masa depan dalam peluang baru, dan Encik Razak yang terikat dengan masa lalu. Situasi ini memerlukan Zara membuat pilihan penting: sama ada menyokong ayahnya dan berdepan dengan segala kerugian, atau memilih untuk meninggalkan tempat yang penuh kenangan itu demi peluang yang lebih baik. Peristiwa ini menggambarkan konflik ‘perjuangan antara tradisi dan perubahan’, dan apa sahaja keputusan yang diambil oleh Zara akan menentukan sama ada situasi mereka bertambah baik atau sebaliknya.

Berdasarkan JADUAL 7, arahan umum memberikan model bahasa ini kebebasan untuk menggambarkan peristiwa penting antara Zara dan ayahnya, Encik Razak tanpa maklumat khusus tentang konteksnya. Arahan ini menekankan interaksi emosi dalam konflik yang dihadapi dan bagaimana peristiwa tersebut mempengaruhi hubungan mereka. Sebaliknya, arahan spesifik menekankan konflik antara tradisi dan perubahan, serta memberikan perincian yang jelas tentang kesan konflik terhadap hubungan mereka. Perkara ini memungkinkan penjana naratif yang lebih mendalam dan beremosional.

JADUAL 8. Hasil penjanaan berdasarkan arahan umum

Hasil Penjanaan dan Penyuntingan Arahan Umum
Suatu petang, Zara pulang ke rumah dengan wajah yang keliru. <i>Dia baru menerima tawaran kerja di bandar besar, jauh dari tempat tinggal mereka sekarang.</i> Hatinya berbelah bahagi, peluang ini merupakan perkara yang telah lama dia impikan, tetapi bagaimana dengan Encik Razak? Ayahnya yang semakin berumur pasti memerlukan penjagaan. <i>“Ayah, Zara nak cakap sikit...”</i> Zara memulakan dengan suara lembut, duduk di hadapan ayahnya yang sedang mendengar berita di radio.
Encik Razak memandang Zara, seakan-akan tahu ada sesuatu yang berat di fikiran anaknya. <i>“Apa dia, Zara?”</i>
Zara menarik nafas panjang. <i>“Zara dapat tawaran kerja dekat KL...Tapi tak pasti nak terima ke tak.”</i>
Wajah Encik Razak berubah. Dahinya berkerut dan pandangannya mula jauh. <i>“Itu peluang baik, Zara. Ayah tak nak halang...”</i>

Air mata Zara mula bergenang. “*Tapi nanti tiada siapa yang boleh jaga ayah. Zara tak nak tinggalkan ayah. Tapi...ini juga masa depan Zara.*”

Mereka terdiam, masing-masing terperangkap antara impian dan tanggungjawab. Encik Razak menggenggam erat tangan Zara. “*Anakku, hidup ni tentang pilihan. Kalau kau rasa ini yang terbaik untuk kau, ayah akan dan sentiasa sokong. Ayah akan cuba jaga diri, janganlah kau risau.*”

Peristiwa itu menjadi titik perubahan. Zara sedar bahawa cinta dan tanggungjawab tidak semestinya mengorbankan cita-cita, dan hubungan mereka semakin kuat, dilandasi dengan kepercayaan yang mendalam.

JADUAL 9. Hasil penjanaan berdasarkan arahan spesifik

Hasil Penjanaan dan Penyuntingan Arahan Spesifik

Zara berdiri di hadapan Encik Razak di kedai kecil mereka, *memandang rak-rak yang sudah mula kosong. Kedai ini bukan sekadar sumber rezeki, tetapi lambang perjuangan keluarganya.* Namun, dengan notis pengambilalihan tapak yang mereka terima, Zara tahu mereka tiada banyak pilihan.

“*Ayah, kita kena fikirkan masa depan,*” Zara berkata perlahan, sambil mengawal suaranya. “*Kalau kita jual sekarang, kita masih boleh dapat pampasan. Zara tahu berat untuk ayah, tapi kita perlu teruskan hidup.*”

Encik Razak memandang Zara, matanya dipenuhi rasa sakit yang sukar disembunyikan. “*Kedai ni... warisan keluarga kita. Ayah buka dengan tangan sendiri, dan sebelum tu, arwah datuk kamu yang mulakan. Macam mana ayah nak lepaskan semua tu?*”

“*Ayah, kedai kecil macam ni tak boleh bersaing lagi. Tengok keliling kita. Semua tempat dah berubah. Kita tak boleh duduk sini dan harap semuanya akan sama macam dulu,*” Zara memujuk, walaupun hatinya turut terluka melihat kesedihan ayahnya.

Encik Razak menarik nafas panjang, menunduk. “*Kalau kita jual, apa lagi yang ayah ada? Apa yang akan tinggal untuk kamu nanti? Semua ni... ada nilai, ada warisan, ada kenangan.* Bukan sekadar duit.”

Zara mendiam, bergelut dengan perasaan yang bercampur baur. Dia memahami keperitan yang dirasai oleh ayahnya, tetapi pada masa yang sama, dia melihat peluang di luar sana. *Mereka berdua terperangkap antara masa lalu dan masa depan, dan keputusan Zara akan mengubah segala-galanya.* Adakah dia akan menyokong ayahnya dan menanggung kerugian, atau melepaskan kedai itu untuk mencari peluang baharu?

Hasil penjanaan arahan umum dalam JADUAL 8 menunjukkan fokus naratif pada elemen peristiwa tawaran pekerjaan yang diterima oleh Zara di Kuala Lumpur. Tawaran ini menjadi faktor konflik dalaman kerana watak ini memerlukan pertimbangan sama ada mahu meneruskan impian peribadi atau menjaga ayahnya, Encik Razak, yang selama ini banyak bergantung kepadanya. Berdasarkan teori Mieke Bal, peristiwa yang melibatkan pilihan dan akibat serta mencetuskan peralihan signifikan dalam kehidupan watak boleh dianggap sebagai peristiwa berfungsi (*functional events*). Dalam konteks ini, peralihan Zara daripada kehidupan yang stabil kepada konflik utama selaras dengan konsep peristiwa berfungsi dalam teori naratif. Tawaran pekerjaan itu bukan sahaja memaksa watak membuat keputusan yang sukar, tetapi turut menandakan titik perubahan yang penting dalam hala tuju kehidupannya. Hubungan sebab-akibatnya turut jelas apabila tawaran pekerjaan tersebut mendorong Zara untuk berbincang dengan ayahnya, sekali gus menimbulkan dilema antara tanggungjawab terhadap keluarga dan keinginan untuk maju. Namun begitu, penyelesaian naratif ini digambarkan kelihatan terlalu ideal dan tergesa-gesa, apabila Encik Razak dengan mudah memberikan sokongan moral tanpa menunjukkan pergelutan dalaman yang lebih kompleks. Sementara itu, tema antara tanggungjawab keluarga dengan impian peribadi muncul sebagai aspek dominan dengan penekanan kepada kesedaran bahawa cinta dan harapan tidak semestinya saling mengekang.

Selanjutnya hasil penjanaan arahan spesifik dalam JADUAL 9 menunjukkan bahawa notis pengambilalihan kedai Encik Razak oleh pihak pemaju membuka ruang konflik lebih kompleks. Sama seperti dalam naratif hasil penjanaan arahan umum, naratif ini turut melibatkan peralihan bermakna, di mana kedua-dua watak ini menghadapi cabaran besar yang akan mengubah kehidupan mereka secara signifikan. Warisan kedai lama milik Encik Razak bukan sekadar sumber pendapatan, tetapi sebagai simbol tradisi keluarga, mencerminkan keseimbangan antara penambahbaikan dan kemerosotan dalam naratif. Keputusan sama ada untuk terus menetap atau menerima pampasan pembangunan mencetuskan dilema yang kompleks bagi watak. Hal ini selari

dengan konsep pilihan dan akibat, di mana setiap keputusan yang diambil akan membawa kesan terhadap perkembangan dalam naratif. Dari aspek hubungan sebab dan akibat, notis pengambilalihan tersebut memaksa mereka membuat keputusan yang sukar. Isu ini seterusnya memunculkan persoalan yang lebih luas seperti kehilangan warisan budaya, perubahan sosial dan impak jangka panjang terhadap hubungan antara ayah dan anak. Naratif ini juga berakhir dengan keadaan tergantung, menunjukkan struktur naratif terbuka yang memberi ruang kepada pelbagai kemungkinan peristiwa selanjutnya, hal ini selaras dengan pandangan Bal bahawa fabula adalah rangkaian peristiwa yang berkait secara logik dan kronologi.

Perkara ini sama seperti yang dinyatakan oleh Gerasimov (2021), iaitu naratif bukan sahaja berperanan untuk merekod peristiwa, tetapi juga sebagai alat untuk menguji kemungkinan masa depan dan mencerminkan perubahan nilai dalam masyarakat. Peristiwa dalam naratif bukan sahaja mencetuskan tindakan luar tetapi juga mengandungi unsur yang mendorong watak untuk mengalami perubahan dalam perasaan, pemikiran ataupun tindakan susulan. Hal ini memperkukuhkan bagaimana konflik yang dipaparkan dalam hasil penjanaaan arahan spesifik yang mencerminkan pertembungan antara warisan budaya dan tekanan pembangunan moden.

Namun begitu, hasil penjanaaan berdasarkan arahan umum menunjukkan beberapa kekurangan dari segi kualiti naratif. Penyelesaian konflik yang terlalu ideal menjadikan jalan cerita kurang mencabar dan gagal menampilkan pergelutan emosi yang lebih kompleks. Di samping itu, kebergantungan terhadap dialog sebagai kaedah penyelesaian utama memperlihatkan kecenderungan ke arah penyelesaian yang bersifat segera, tanpa perkembangan konflik yang berperingkat. Oleh itu, bentuk dan jenis arahan yang diberikan kepada model bahasa terbukti memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kedalaman, kekuatan dramatik, serta keupayaan naratif untuk mencerminkan konflik yang lebih berlapis dan realistik.

Secara keseluruhan, kedua-dua arahan mengandungi elemen peristiwa seperti yang dijelaskan oleh Mieke Bal. Naratif hasil penjanaaan arahan umum memperlihatkan penyelesaian konflik dengan lebih segera dan bernada optimis, manakala naratif hasil penjanaaan arahan spesifik pula menawarkan konflik lebih mendalam yang masih belum dibuka. Dari segi perkembangan plot, naratif arahan spesifik dilihat memberi ruang lebih luas untuk diterokai kerana persoalan utama antara tradisi dan perubahan masih dibiarkan terbuka untuk ditafsirkan.

PENGARUH ARAHAN DALAM ELEMEN SUDUT PANDANG (NARATOR)

Sudut pandang atau narator menurut Mieke Bal (2017) ialah agen yang menceritakan kisah dalam teks dan memainkan peranan penting dalam menyampaikan peristiwa dan emosi kepada pembaca. Berdasarkan teori ini, terdapat beberapa komponen yang boleh dipertimbangkan ketika membina narator dalam naratif. Antara komponen penting dalam pembinaan narator ialah identiti narator (sama ada wujud di luar cerita atau terikat sebagai watak), fokalikasi (sudut pandang dari mana peristiwa diperhatikan), hubungan narator dengan kebenaran (kesahihan dan kepercayaan narator), suara dan gaya narator, serta penglibatan narator dalam aksi cerita. Kesemua komponen ini berfungsi untuk membentuk narator yang bukan sahaja menyampaikan cerita, tetapi juga mempengaruhi cara pembaca menanggapi konflik, emosi dan nilai yang ingin disampaikan dalam teks.

JADUAL 10. Arahan umum dan spesifik bagi pembinaan elemen sudut pandangan (Narator)

Jenis Arahan	Elemen Sudut Pandangan (Narator)
Arahan Umum	Gambarkan sudut pandang penceritaan yang berkesan untuk menyampaikan cerita yang melibatkan watak Zara dan ayahnya, Encik Razak. Gunakan watak Zara sebagai narator untuk memberikan perspektif yang mendalam dan peribadi tentang hubungan mereka dan konflik yang dihadapi. Pastikan perspektif yang dipilih konsisten sepanjang cerita. Gunakan gaya bahasa dan nada yang selaras dengan suasana dan tema cerita, serta biarkan suara Zara menambah emosi dan daya tarik kepada naratif tersebut.
Arahan Spesifik	Gambarkan Zara sebagai protagonis, bercerita dalam sudut pandang orang pertama. Gunakan fokalisasi tunggal untuk memberikan perspektif yang lebih tentang perasaan dan pemikiran Zara ketika dia menghadapi konflik bersama ayahnya, Encik Razak. Suara dan gaya bahasa Zara harus mencerminkan keperibadiannya—seorang gadis muda yang dibebani tanggungjawab keluarga serta berasa terhimpit oleh perubahan dalam hidup mereka. Biarkan Zara berperanan sebagai pelaku utama dalam aksi cerita, dan gambarkan perkembangan emosinya ketika dia bergelut antara ingin menyokong ayahnya yang berpegang pada nilai-nilai lama dan keinginannya untuk melihat masa depan yang lebih baik. Jadikan perubahan dalam pemikiran dan perasaannya sepanjang cerita akan mempengaruhi cara dia menyampaikan naratif.

Merujuk kepada JADUAL 10, arahan umum menekankan Zara sebagai narator orang pertama dengan mengutamakan konsistensi perspektif, gaya bahasa dan nada yang selaras dengan tema naratif. Arahan ini mengarahkan model bahasa untuk memastikan suara naratif Zara kekal stabil dan mendalam, memudahkan pembaca memahami hubungannya dengan Encik Razak serta konflik yang timbul. Sementara itu, arahan spesifik memfokuskan pada fokalisasi tunggal, di mana emosi dan pemikiran Zara diberikan penekanan khusus. Dalam arahan ini, perkembangan emosi Zara, termasuk rasa terhimpit dengan tanggungjawab keluarga dijadikan faktor penting yang mempengaruhi cara dia menyampaikan naratif.

JADUAL 11. Hasil penjaanaan berdasarkan arahan umum

Hasil Penjaanaan dan Penyuntingan Arahan Umum
<p>Setiap kali aku melihat wajah ayah, rasa bersalah itu sentiasa muncul. <i>Aku tahu dia perlukan aku, lebih dari sebelumnya, tetapi dunia luar sedang menunggu. Tawaran kerja di Kuala Lumpur adalah peluang yang sudah lama aku impikan – sesuatu yang mungkin mengubah hidup aku.</i> Tapi, ada ayah di sini, di rumah kecil kami yang sudah penuh dengan kenangan lama. Dia pula semakin tua, kadang-kadang terlupa apa yang baru sahaja kami buatkan.</p> <p><i>“Aku tak boleh tinggalkan ayah begitu sahaja,” suara hati aku berbisik,</i> tetapi realiti di luar sana sentiasa memanggil aku. Setiap kali aku berbual dengan ayah, aku rasa rindu pada lelaki yang dahulunya kuat dan tegas. Tetapi sekarang ini, dia hanya diam, duduk di kerusi rehatnya, dan termenung yang aku sendiri tidak tahu apa yang difikirkan. <i>Kadang-kadang aku fikir, apa gunanya impian aku kalau aku terpaksa tinggalkan dia? Namun, ayah, seperti biasa, tetap memahami.</i></p> <p><i>“Zara, kalau kau nak pergi, ayah faham. Ayah nak kau bahagia,” dia pernah berkata dengan suara seraknya.</i> Aku tahu kata-kata itu penuh kasih sayang, tapi ia juga membawa rasa pedih dan berat untuk dihadap.</p> <p>Dan setiap kali aku memikirkan perkara, aku hanya mampu menunduk, mengelak dari air mata yang cuba menitis.</p>

JADUAL 12. Hasil penjaanaan berdasarkan arahan spesifik

Hasil Penjaanaan dan Penyuntingan Arahan Spesifik
<p><i>Aku berdiri di hadapan kedai kecil kami, melihat papan tanda yang sudah pudar, seperti memori yang semakin pudar dalam hati aku. Aku tahu kedai ni penting bagi ayah.</i> Setiap sudut ruang, setiap rak ada kenangan—tangan kasar ayah yang susun barang-barang, senyuman pelanggan tetap yang entah di mana sekarang. <i>Tapi dunia di sekeliling kami dah berubah, dan aku... aku penat menunggu perubahan yang takkan datang kalau kami tetap di sini.</i></p> <p><i>“Ayah, kita tak boleh terus macam ini,” aku memulakan bicara, tapi suaraku sendiri terdengar lemah.</i> Aku memandang ayah yang duduk di kerusi kayu usang di sudut kedai, wajahnya penuh kerutan usia. Matanya jauh memandang ke luar, tapi aku tahu dia sedang memikirkan sesuatu yang tak mampu aku jangkau.</p> <p><i>“Ayah kena faham?”</i> Aku sambung lagi. <i>“Dunia dekat luar tu makin laju. Kalau kita terus duduk sini, tak buat apa-apa, kita akan ketinggalan. Kedai ni... tak lagi macam dulu.”</i></p> <p><i>“Apa yang kau tahu Zara?”</i> <i>Suara ayah memecah keheningan, kasar tapi penuh rasa terluka.</i> <i>“Kau mungkin tak rasa apa yang ayah rasa. Ini tempat kita. Tempat keluarga kita.”</i></p> <p>Aku terdiam. Mungkin betul aku tak faham sepenuhnya, tapi aku tahu satu perkara—aku tak nak tenggelam dalam masa lalu. Tapi bagaimana untuk aku nak tinggalkan sesuatu yang pernah dan sangat bermakna bagi kami?</p>

Hasil penjanaan arahan umum pada JADUAL 11 menunjukkan bahawa naratif disampaikan melalui sudut pandangan orang pertama. Watak Zara bertindak sebagai narator terikat (*character-bound narrator*) yang terlibat secara langsung dalam konflik antara cita-cita peribadi dan tanggungjawab terhadap ayahnya, Encik Razak. Dalam naratif ini, fokusasi tunggal digunakan untuk menggambarkan emosi Zara dan mengekalkan perspektif yang konsisten, yang mana segala situasi dan konflik diperlihatkan melalui kepekaan emosinya. Selain itu, penggunaan deiksis seperti “aku” dan “ayah” membantu memperkukuh hubungan emosi antara narator dan watak lain. Walaupun watak Zara kelihatan boleh dipercayai kerana menceritakan pergolakan dirinya secara jujur, sudut pandangnya kekal bersifat subjektif, selari dengan ciri narator dalaman yang memandang segala-galanya melalui kaca mata peribadi. Nada naratif ini pula bersifat reflektif dan penuh dilema, disampaikan menerusi monolog dalaman yang kuat.

Sementara itu, hasil penjanaan arahan spesifik dalam JADUAL 12 mengekalkan Zara sebagai narator terikat. Namun, naratifnya memaparkan pertembungan yang lebih ketara antara Zara dan Encik Razak. Fokusasi yang digunakan masih bersifat dalaman tunggal, namun diperkuat dengan pemerhatian fizikal yang lebih terperinci, termasuk deskripsi ekspresi wajah serta pertelingkahan kecil secara lisan di kedai milik ayahnya. Walaupun Zara tampil jujur dalam menyampaikan pendapatnya, naratif ini dipengaruhi oleh pergolakan emosi yang timbul daripada konflik antara generasi. Dari sudut gaya dan nada, hasil penjanaan arahan spesifik memfokuskan suasana yang lebih dramatik dan sarat dengan ketegangan emosi. Situasi ini bukan sekadar memperlihatkan renungan dalaman watak, tetapi menampilkan keterlibatan aktif Zara dalam aksi dan pertikaian dengan Encik Razak. Oleh itu, konflik antara idealisme Zara dengan pendirian konservatif ayahnya menjadi lebih dramatik dan terserlah secara naratif.

Sudut pandang orang pertama dalam naratif Zara memperkukuh hubungan emosi antara pembaca dan cerita. Perspektif ini membolehkan konflik dalaman watak disampaikan secara langsung dan dihayati dengan lebih berkesan. Melalui penceritaan berbentuk monolog dalaman dan dialog antara watak, naratif ini membolehkan pembaca memahami bukan sahaja tindakan watak, tetapi juga perasaan dan dilema yang mendasarinya. Hal ini selaras dengan hujah Diasamidze (2014) bahawa naratif orang pertama membawa kesan serta-merta, meningkatkan kredibiliti penceritaan, dan mencerminkan realisme psikologi yang tinggi. Dalam konteks ini, Zara sebagai narator terikat telah berjaya menghidupkan konflik generasi dan tekanan sosial secara autentik, menjadikan naratif yang dijana lebih menyentuh dan meyakinkan.

Penggunaan sudut pandang orang pertama dalam naratif ini sememangnya mewujudkan hubungan emosi yang kuat dengan pembaca. Namun, apabila hanya satu perspektif digunakan secara konsisten, penceritaan menjadi terlalu terarah dan cenderung dapat dijangka. Tanpa gangguan perspektif lain atau cabaran terhadap pandangan watak, naratif ini kehilangan kedalaman konflik dan kebolehtafsiran yang lebih luas. Hal ini menunjukkan bahawa bagaimana arahan yang mengekalkan narator tunggal boleh menghadkan dimensi naratif dan menjadikannya kurang mencabar secara wacana.

Secara keseluruhannya, kedua-dua hasil penjanaan ini mengekalkan sudut pandang Zara sebagai narator yang boleh dipercayai tetapi bersifat subjektif, seperti yang diterangkan melalui teori Mieke Bal. Naratif arahan umum menonjolkan monolog dalaman dan keresahan peribadi Zara, manakala naratif arahan spesifik memberikan dimensi lebih dramatik melalui interaksi serta dialog tegang antara Zara dan ayahnya.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa arahan umum menghasilkan naratif yang lebih terbuka dan membolehkan kebebasan kreativiti yang lebih luas. Namun begitu, naratif yang dihasilkan kurang memperincikan elemen-elemen penting seperti deskripsi emosi watak, kedalaman latar, dan perkembangan peristiwa. Hal ini menyebabkan kualiti teks menjadi sederhana dari segi kesan emosi dan struktur dramatik. Sebaliknya, arahan spesifik memperlihatkan hasil naratif yang lebih terarah dengan perincian yang jelas, khususnya dalam aspek hubungan dan perkembangan watak, latar, dan konflik. Perkara ini menjadikan naratif yang terhasil daripada arahan spesifik lebih berstruktur dan meninggalkan kesan yang lebih kuat kepada pembaca.

Dapatan ini turut menunjukkan bahawa arahan spesifik berjaya memenuhi objektif kajian ini kerana mampu menghasilkan naratif yang lebih terperinci, kompleks dan bermakna. Selain itu, dapatan ini selaras dengan teori naratologi yang menekankan kepentingan deskripsi dan perincian dalam pembinaan naratif, sekali gus, memberikan sumbangan yang penting kepada bidang penulisan kreatif.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan antaranya skop kajian yang hanya melibatkan perbandingan arahan umum dan arahan spesifik sahaja tanpa variasi arahan lain seperti arahan implisit atau gabungan pelbagai bentuk arahan. Selain itu, kajian ini juga bergantung kepada satu model bahasa sahaja yang mungkin memberikan hasil yang berbeza sekiranya digunakan pada model bahasa yang lain.

PENGHARGAAN

Artikel ini berasaskan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Universiti Sains Malaysia FRGS/1/2021/SSI0/USM/02/19 yang diketuai oleh Dr. Rosnidar Binti Ain di bawah tajuk projek “Pembinaan Kerangka Konsep Cereka Multimedia: Kreativiti dalam Kesusasteraan untuk Generasi Muda Malaysia”.

RUJUKAN

- Bal, M. 2017. *Narratology: Introduction to the Theory of Narrative*. Edisi ke-4. Toronto: University of Toronto Press.
- Beaton, R. 2010. Historical Poetics: Chronotopes in Leucippe and Clitophon and Tom Jones. Dalam N. Bemong et al. (Pnyt.), *Bakhtin's Theory of the Literary Chronotope: Reflections, Applications, Perspectives* (hlm. 59–76). Gent: Academia Press.
- Brown, T. B., et al. 2020. Language Models are Few-Shot Learners. *Neural Information Processing Systems*, 33, 1877–1901.
- Bubeck, S., Chandrasekaran, V., Eldan, R., Gehrke, J., Horvitz, E., Kamar, E., et al. 2023. Sparks of Artificial General Intelligence: Early experiments with GPT-4. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2303.12712>
- Bommasani, R., Hudson, D. A., Adeli, E., Altman, R., Arora, S., von Arx, S. et al. 2021. On the Opportunities and Risks of Foundation Models. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2108.07258>
- Chen, B., Zhang, Z., Langrené, N. & Zhu, S. 2025. Unleashing the potential of prompt engineering for large language models. *Patterns*. <https://doi.org/10.1016/j.patter.2025.101260>

- Daniel, A. H. S. A., & Rosnidar, A. 2023. Potensi Kecerdasan Buatan dalam Proses Kreatif Puisi Melayu. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 4(2), 190–197. <https://doi.org/10.30880/ahcs.2023.04.02.019>
- Diasamidze, I. 2014. Point of view in narrative discourse. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 158, 160–165. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.12.062>
- Frazer, R., Grizzard, M., & Moyer-Gusé, E. (2025). Conceptualizing and measuring character depth. *Media Psychology*, 1–28. <https://doi.org/10.1080/15213269.2025.2460171>
- Gerasimov, S. V. 2021. Events and narration in socio-cultural practices. *Slovo Ru Baltic Accent*, 12(2), 29–44. <https://doi.org/10.5922/2225-5346-2021-2-2>
- Goodfellow, I., Bengio, Y. & Courville, A. 2016. *Deep learning*. Cambridge: MIT Press.
- Herbold, S., Hautli-Janisz, A., Heuer, U., Kikteva, Z., & Trautsch, A. 2023. A large-scale comparison of human-written versus ChatGPT-generated essays. *Scientific Reports*, 13(1). <https://doi.org/10.1038/s41598-023-45644-9>
- Kidd, C., & Birhane, A. 2023. How AI can distort human beliefs. *Science*, 380(6651), 1222–1223. <https://doi.org/10.1126/science.adi0248>
- Korzynski, P., Mazurek, G., Krzykowska, P., & Kurasinski, A. 2023. Artificial intelligence prompt engineering as a new digital competence: Analysis of generative AI technologies such as ChatGPT. *Entrepreneurial Business and Economics Review*, 11(3), 25–37. <https://doi.org/10.15678/eber.2023.110302>
- McGuire, J., De Cremer, D. & Van de Cruys, T. 2024. Establishing the importance of co-creation and self-efficacy in creative collaboration with artificial intelligence. *Scientific Reports* 14(1),1-11. <https://doi.org/10.1038/s41598-024-69423-2>
- OpenAI. 2023. *GPT-4*. <https://openai.com/index/gpt-4-research/> [27 Desember 2024].
- Oppenlaender, J., Linder, R., & Silvennoinen, J. 2024. Prompting AI Art: An Investigation into the Creative Skill of Prompt Engineering. *International Journal of Human-Computer Interaction*, 1–23. <https://doi.org/10.1080/10447318.2024.2431761>
- Porter, B., & Machery, E. 2024. AI-generated poetry is indistinguishable from human-written poetry and is rated more favorably. *Scientific Reports*, 14(1). <https://doi.org/10.1038/s41598-024-76900-1>
- Ray, P. P. 2023. ChatGPT: A comprehensive review on background, applications, key challenges, bias, ethics, limitations and future scope. *Internet of Things and Cyber-Physical Systems*, 3, 121–154. <https://doi.org/10.1016/j.iotcps.2023.04.003>
- Riemer, K., & Peter, S. 2024. Conceptualizing generative AI as style engines: Application archetypes and implications. *International Journal of Information Management*, 79(102824), 1-15. <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2024.102824>
- Scsc, G., & Sahu, D.G. 2024. Navigating Narrative Frontiers: Influence of Generative AI on Creative Literature. *International Research Journal on Advanced Engineering and Management*, 2(05), 1315–1323. <https://doi.org/10.47392/irjaem.2024.0179>
- Soeffner, J. 2024. Meaning–thinking–AI. *AI & Society*, 39(5), 2213–2220. <https://doi.org/10.1007/s00146-023-01709-x>
- Suraya, A., Noor Emilina, M. N., Syafiq, A. H. H., & Nur Syuhada, A. 2024. A Bibliometric Analysis: Navigating publication trends in academic dishonesty in Higher education. *Akademika*, 94(2), 419–437. <https://doi.org/10.17576/akad-2024-9402-24>

- Van Heerden, I., & Bas, A. 2021. Viewpoint: AI as Author – Bridging the gap between machine learning and literary theory. *Journal of Artificial Intelligence Research*, 71, 175–189. <https://doi.org/10.1613/jair.1.12593>
- Vassallo, P. 2024. Using AI to improve writing creativity, productivity, and quality. *ACS Chemical Health & Safety*, 31(5), 352–361. <https://doi.org/10.1021/acs.chas.4c00070>
- White, J., Zhang, Y., Sundaresan, N., Tufano, M., Berabi, W. & Slankas, J. 2023. A prompt pattern catalog to enhance prompt engineering with ChatGPT. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2302.11382>
- Ye, Q., Axmed, M., Pryzant, R. & Khani, F. 2024. Prompt engineering: a prompt engineer. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2311.05661>

Daniel Arief Hafiz Bin Shamsul Ariffin (Corresponding author)
School of Humanities
Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia
Email: danielariefhafiz@gmail.com

Rosnidar Ain
School of Humanities
Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia
Email: rosnidar_ain@usm.my